

01/07/1997

Menangani masalah cetak rompak

Razali Zakaria

BAYANGKAN keuntungannya! Kos membuat dan mencetak rompak cakera padat (CD) mengandungi filem, muzik dan perisian komputer hanya 40 sen sekeping dan kira-kira RM4 bagi pita video.

Di pasaran terbuka pita video cetak rompak itu dijual dengan harga RM10 dan RM12, manakala bagi CD untuk muzik, filem dan perisian komputer dijual di antara RM15 hingga RM20.

Harga asal bagi pita video filem dan muzik mencecah RM35 manakala bagi CD muzik dan filem berharga sehingga RM40 dan RM50, sementara bagi CD perisian komputer atau CD-Rom pula harganya sehingga berpuluh ribu ringgit setiap satu.

Inilah perbezaannya yang menyebabkan industri cetak atau rakam rompak di negara ini sukar dibanteras. Dicantas sekali, ia akan muncul di tempat lain hanya kerana untungnya yang lumayan.

Dalam sidang Parlimen baru-baru ini, beberapa akta membabitkan undang-undang siber untuk melicinkan pelaksanaan MSC khusus untuk membanteras penjenayah teknologi maklumat (IT) dan melindungi harta intelek, diluluskan.

Undang-undang itu, yang membabitkan aspek tandatangan digital, jenayah komputer, harta intelek multimedia dan pembangunan teleperubatan bertujuan melindungi syarikat yang beroperasi di Koridor Raya Multimedia (MSC) daripada cetak rompak, penipuan dan jenayah komputer.

Tetapi, dalam satu pertemuan Ketua Pengarah Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Jabar Kamin, berkata denda paling rendah pernah dikenakan oleh mahkamah terhadap pengedar dan penjual pita video dan CD cetak rompak ialah RM2.75 sekeping.

Jika pengedar dan penjual itu memiliki 1,000 pita video dan CD, dia hanya perlu membayar denda RM2,750 saja. Selepas dibebaskan, dia kembali semula mengedar bahan itu kerana untung yang diperolehi berlipat ganda.

Adakah denda itu setimpal dan adakah jenayah yang dilakukan itu tidak menjejaskan ekonomi serta perkembangan sosial negara atau tidakkah ia berbahaya kepada MSC, sepatutnya diberi perhatian serius.

Menyedari bahaya kegiatan itu, Pergerakan Pemuda Umno turut bertindak menubuhkan Barisan Banteras Cetak Rompak dan Porno (BBCRP) menerusi Majlis Hal Ehwal Pengguna. Ketua Penyelaras BBCRP, Zainal Abidin Omar meminta kerajaan mengenakan penjara mandatori ke atas mereka yang terbabit dalam kegiatan itu yang menurutnya bukan saja boleh menjejaskan kejayaan MSC, tetapi memberi kesan sosial tidak sihat kepada generasi sekarang.

"Sebab itu, agenda utama barisan ini ialah mengadakan siasatan dan intipan ke atas mereka yang terbabit dalam kegiatan itu serta mengadakan kempen besar-besaran di seluruh negara," katanya.

Bunyinya mungkin mudah, tetapi hakikatnya pulangan yang lumayan dalam industri itu menyebabkan Malaysia semakin popular sebagai pengeluar pita video, CD, cakera laser (LD), cakera padat video (VCD) dan CD-Rom cetak rompak.

Daripada denda yang dikenakan itu, jelas kegiatan cetak rompak sukar dibendung, apalagi dihapuskan bagi menjamin harta intelek yang dihasilkan menerusi rangkaian IT di MSC, tidak diciplak.

Tahun lalu, ketika menerima pelawaan kerajaan menjadi anggota lembaga penasihat Perbadanan Pembangunan Multimedia yang bertanggungjawab mewujudkan MSC, Ketua Eksekutif Microsoft, Bill Gates menyatakan kebimbangan mengenai masalah cetak rompak perisian komputer.

Walaupun secara umumnya beliau menerima pelawaan itu, Gates dalam surat jawapan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetap menyatakan kebimbangan itu.

Pada masa ini, kira-kira 50 syarikat multinasional antarabangsa berminat menyertai MSC dan membuka cawangan mereka di bandar raya IT yang dijangka mula beroperasi pada awal 1999.

Kebanyakan syarikat itu dari Amerika, Jepun dan Kanada. MSC yang berpusat di Putrajaya meliputi kawasan 15 kilometer lebar dan 50 kilometer panjang membabitkan kos pembinaan sebanyak RM2 bilion.

Bagi Kawalan Harta Intelek Sdn Bhd (IPP) yang dianggotai Persatuan Pengeluar Filem Antarabangsa dan Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM), tindakan tegas perlu dikenakan.

Mereka mencadangkan penjara mandatori dikenakan seperti dilaksanakan di Taiwan, China dan Thailand yang menunjukkan hampir 50 peratus kegiatan itu dapat dihapuskan.

Berbanding, undang-undang sekarang yang menyebut 'denda atau penjara' menyebabkan mahkamah membuat pilihan mendenda dan denda itu boleh dibayar dengan mudah oleh sindiket terbabit.

Dalam memorandum kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, IPP dan RIM juga meminta kerajaan memperkenalkan undang-undang label bagi mengawal pengeluaran CD.

Lagipun, kewujudan 25 kilang pengeluar CD yang tidak dikawal dikatakan punca VCD 'Made In Malaysia' bertulis kalimah al-Quran, tetapi kandungannya lucu, mudah dieksport.

VCD 'Made In Malaysia' diperolehi di Korea Selatan dalam perjalanan untuk dihantar ke Arab Saudi.

Yang pasti, negara yang menerima bahan itu akan mengetahui bahawa Malaysia adalah pengedar filem lucu. Oleh itu, dalam menangani kes seperti ini, contoh yang ditunjukkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) kerana mengenakan tindakan mengikut ISA terhadap mereka yang terbabit dalam mengklon telefon, perlu diikuti.

Jaminan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob untuk mengenakan tindakan tegas, termasuk buang daerah bagi penjenayah komersil, seperti cetak rompak, perlu menjadi amaran kepada mereka yang terbabit dalam kegiatan itu.

Selain menunjukkan kepada negara luar mengenai ketegasan Malaysia menangani jenayah komersil, ia juga akan meyakinkan pelabur asing, terutama syarikat besar di bidang teknologi maklumat dan komputer, untuk mencurahkan pelaburan dan memindahkan teknologi mereka ke sini.

(END)